



[Laman Utama](#) | [Berita Utara](#) | [Berita Selatan](#) | [Berita Timur](#) | [Berita Tengah](#) | [Sabah & Sarawak](#) | [English Version](#)

## BERITA Timur

### PETRONAS bantu 100 ibu tunggal dan isteri nelayan Kuala Nerus, Terengganu

Tarikh kemaskini: 18/08/2018

KUALA NERUS, 18 Ogos (Bernama) -- Petronas hari ini melancarkan satu lagi program tanggungjawab sosial korporatnya (CSR) di negeri ini iaitu 'Planting Tomorrow' melibatkan 100 peserta yang terdiri daripada ibu tunggal dan isteri nelayan di sekitar daerah Kuala Nerus.

Pengurus Besar Petronas Wilayah Pantai Timur, Wan Mohd Hasnan Abdullah berkata program berkenaan akan memperkasa peserta dengan pelbagai latihan dan kemahiran yang membolehkan mereka meraih pendapatan tetap sekaligus mengeluarkan mereka daripada kepompong kemiskinan.

"Kami bekerjasama dengan MyKasih Foundation dan Pejabat Daerah Kuala Nerus untuk membantu 100 peserta ini menjana inovasi sosial dan meningkatkan kehidupan mereka yang kurang berasas baik melalui pembangunan keupayaan dan sumbangan keperluan asas.

"Ada sebahagian daripada 100 peserta ini sudah pun berdikari memulakan perniagaan kecil-kecilan manakala bagi mereka yang masih mencari sumber pendapatan baharu, kami akan cuba membimbing mereka untuk menceburi perniagaan sesuai dengan minat dan kepakaran mereka sepanjang program ini berlangsung selama enam bulan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas perasmian majlis CSR itu yang disempurnakan oleh Pengurusi Jawatankuasa Keusahawanan, Industri Mikro & Hal Ehwal Penjaja negeri, Mohd Nurkhuzaini Ab Rahman dan turut dihadiri, Anggota Dewan Undangan Negeri Seberang Takir, Datuk Seri Ahmad Razif Abdul Rahman.

Program yang bertemakan #KitaCipta itu dijalankan melalui siri latihan berterusan selama enam bulan yang mendedahkan peserta dengan kemahiran pengurusan kewangan, pemasaran produk dan sesi motivasi bidang keusahawanan.

Wan Hasnan berkata 'Planting Tomorrow' adalah kesinambungan program Sentuhan Kasih yang dilancarkan April lalu melibatkan 400 keluarga di Kemaman, Dungun dan Kuala Nerus di mana mereka menerima bantuan makanan asas bulanan bernilai RM80 selama setahun melalui sistem pembayaran tanpa tunai MyKasih Foundation.

-- BERNAMA

### MENARIK

- Kerajaan negeri Johor bersungguh pertahan Batu Putih - MB
- Petani muda kini raih RM10,000 sebulan
- Keadaan jerebu di Putrajaya dipantau menjelang 31 Ogos
- Bertanding atas tiket MCA hanya akan pecah belahan rakyat - Lim Guan Eng

